

06/04/1998

Misi EU ke Asia (HL)

Shamshul Azree Samshir

SUBANG, Ahad - Kesatuan Eropah (EU) akan menghantar satu misi ke Malaysia dan negara Asia lain bagi membantu memulihkan ekonomi rantau ini tidak lama lagi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Misi yang disertai wakil negara EU itu, akan melihat sendiri keadaan di Asia untuk peluang pelaburan dan bukan untuk mengumpul maklumat seperti sebelum ini.

Menurut Perdana Menteri, langkah EU menghantar misi itu adalah keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Asia-Eropah Kedua (Asem-2) berakhir di London semalam, selepas dicadangkan oleh Korea Selatan.

"Saya fikir mereka kali ini betul-betul serius ... bila menyatakan solidariti dengan Asia, mereka nampak betul-betul bersemangat," katanya ketika ditanya sama ada beliau yakin misi itu akan menjadi kenyataan.

Bercakap kepada pemberita setibanya dari London di sini petang ini, Perdana Menteri yakin EU kini bukan saja memahami keadaan di Asia tetapi juga berminat bekerjasama dengan negara rantau ini.

Menurutnya, negara Eropah bukan saja berminat membantu Asia menangani kegawatan ekonomi malah mengakui sistem yang diamalkan sekarang membawa kesan buruk kepada perdagangan antarabangsa.

"Eropah untuk kali pertama mengakui perdagangan mata wang hanya menimbulkan masalah dan menyedari krisis ekonomi yang dihadapi Asia sekarang adalah serius.

"Mereka juga bersetuju diadakan usaha untuk membentuk sistem kewangan antarabangsa yang akan dapat mengurangkan `volatility' (ketidakstabilan) dalam pasaran kewangan angkara perdagangan mata wang.

"Pada pendapat saya, inilah keputusan yang penting sekali," katanya.

Cadangan Malaysia supaya wujud ketelusan dalam pasaran modal dan kewangan serta pengawasan pengaliran modal lebih ketat diterima oleh Asem-2. Semua pemimpin Eropah bersetuju perlunya mewujudkan disiplin dalam sistem kewangan dalam negara masing-masing dan antarabangsa.

Ketika ditanya apakah perubahan sikap Eropah terhadap krisis kegawatan ekonomi Asia itu berikutan kesannya kini sudah dirasai mereka, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan itu.

Menurutnya, mungkin sedikit sebanyak Eropah menerima kesannya tetapi apa yang penting, mereka buat kali pertama memahami bahawa akibat kejatuhan mata wang, orang yang tidak berdosa menjadi mangsa.

"Kalaupun kerajaan dianggap bersalah, terbabit dengan rasuah, terbabit dengan kapitalisme `suku-sakat' dan sebagainya, yang menderita ialah rakyat sedangkan rakyat dahulu dengan kerajaan yang sama hidup mewah.

"Tetapi kerana tekanan ini dan dalam usaha mendisiplinkan kerajaan ini, yang menjadi mangsa ialah rakyat. Perkara ini tidak pernah ditekankan.

"Yang dimasukkan dalam akhbar termasuk di Malaysia, ini semua disebabkan kerajaan tidak cekap, terbabit dengan rasuah, terbabit dengan kapitalisme `suku-sakat'.

"Akhbar tempatan juga tidak kurang mengecam kerajaan sedangkan kerajaan ini juga yang membangunkan negara Asia Timur sehingga menjadi harimau ekonomi dan negara perindustrian," katanya.

(END)